

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HGM 435 Geografi Perindustrian

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Tulis nota tentang tiga (3) daripada berikut:

- (a) Sumbangan Melvin Greenhut terhadap teori lokasi industri.
- (b) Negara Perindustrian Baru peringkat kedua.
- (c) De-industrialisasi di negara-negara kapitalis maju.
- (d) Perindustrian sebagai 'penawar' di negara-negara Dunia Ketiga.

(25 markah)

2. Dengan merujuk kepada contoh-contoh organisasi industri tertentu, bincangkan bagaimana struktur dan fungsi dapat menjelaskan tingkah laku organisasi industri-industri berskala besar di dunia.

(25 markah)

3. Bincangkan bagaimana Negara-Negara Perindustrian Baru berperanan di dalam pembahagian buruh antarabangsa? Sokong jawapan anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

4. Mod pengeluaran kapitalis lebih mementingkan peranan modal daripada keputusan mengenai perletakan lokasi industri. Bincangkan. (25 markah)
5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Syarikat-syarikat Pelbagai Bangsa? (10 markah)  
(b) Sejauh manakah pembabitan mereka di Negara-negara Membangun memberi kesan ke atas pemindahan teknologi? (15 markah)
6. Dengan merujuk kepada sebuah negara pinggir, bincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara tersebut di dalam sektor perindustrian. (25 markah)
7. Bagaimakah sektor-sektor industri di Negara-negara Membangun menyesuaikan dirinya dengan perubahan-perubahan ekonomi dunia? Sokong jawapan anda dengan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

-ooooOOOooo-